

U BUYS BAH  
MAHATHIR - UMNO

IPOH, 11 MAC (BERNAMA) -- ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK HARUS BERTELAGAH TENTANG PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI PADA KETIKA INI TETAPI SEBALIKNYA HARUS MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, TEGAS PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+SEKARANG BUKANLAH MASANYA UNTUK KITA BERTELAGAH TENTANG SIAPA YANG HARUS MEMIMPIN PARTI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI KETIKA DITANYA SAMA ADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN DIADAKAN SEBELUM ATAU SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM.

+SAMA ADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DIADAKAN SEBELUM ATAU SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM TIDAKLAH PENTING TETAPI APA YANG PENTING IALAH PERSEDIAAN PARTI MENGHADAPI PILIHAN RAYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

TERDAHULU DARIPADA ITU KETIKA DITANYA MENGENAI KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA JUMAAT LALU BAHAWA DATUK MUSA HITAM AKAN DAPAT BERKHIDMAT DALAM UMNO DENGAN LEBIH BERKESAN JIKA BELIAU SEKURANG-KURANGNYA MENJADI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI PARTI, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KITA TAK TOLAK, TERPULANG PADA AHLI-AHLI UMNO UNTUK PUTUSKAN.+  
-- LAGI.

1427MST 11 03 90

U B096 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, TIDAK ADA SEKATAN TERHADAP SESIAPA YANG HENDAK BERTANDING.

+SEBAGAI AHLI UMNO DATUK MUSA BERHAK BERTANDING, TERTAKLUK KEPADA PERLEMBAGAAN PARTI,+ KATANYA. BELIAU TIDAK MENGULAS LEBIH LANJUT.

DATUK MUSA BULAN LEPAS DILAPORKAN BERKATA BELIAU BERSEDIA BERTANDING SATU DARIPADA TIGA JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO.

MENYENTUH TENTANG PENILAIANNYA ATAS KEMUNGKINAN PRESTASI BARISAN NASIONAL (BN) PERAK PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG HASIL PERJUMPAANNYA DENGAN JAWATANKUASA BN NEGERI DAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SEMASA LAWATANNYA KE NEGERI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU YAKIN BN AKAN MENANG DENGAN BAIK DAN MENGEKALKAN KERAJAAN BN DI PERAK.

KATANYA, BN JUGA AKAN DAPAT MENGEKALKAN KERUSI-KERUSI PARLIMEN YANG DIMENANGI DI NEGERI INI PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS. --  
LAGI.

1429MST 11 03 90

U B097 BAH  
MAHATHIR - UMNO 3 IPOH

WALAUPUN TERDAPAT CABARAN DI BEBERAPA KAWASAN YANG MUNGKIN MENGURANGKAN MAJORITI UNDI YANG AKAN DIPEROLEHI TETAPI INI TIDAK BERMAKNA BN AKAN KALAH DI KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN, KATANYA. BELIAU, BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN KAWASAN-KAWASAN ITU.

BN MEMENANGI 19 DARIPADA 23 KERUSI PARLIMEN DALAM PILIHAN RAYA UMUM LEPAS. ANGGOTA PARLIMEN TASEK CENDEROH DAN BAGAN SERAI BAGAIMANAPUN TELAH MENYERTAI PARTI SEMANGAT 46.

BAGI KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI, BN MEMENANGI 33 DARIPADA 46 KERUSI DAN SELEBIHNYA DIMENANGI OLEH DAP. ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN PENGKALAN BARU, DATUK HAJI ABDUL MALEK HAJI AHMAD KINI MENJADI NAIB PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46.

KATANYA, WALAUPUN SESETENGAH TEMPAT MAJORITI UNDI BAGI BN DIJANGKA BERKURANGAN TETAPI DI SESETENGAH KAWASAN PULA DIJANGKA BERTAMBAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI DI NEGERI INI TERUTAMANYA DALAM BIDANG PELANCONGAN YANG MEMPERLIHATKAN KERAJAAN NEGERI MENGEKSPLOITASI POTENSI-POTENSI PELANCONGAN. -- LAGI.

1434MST 11 03 90

U B098 BAH  
MAHATHIR - UMNO 4 IPOH

INI TERMASUK MEMBINA SEBUAH PELANTAR PELAWAT UNTUK MENINJAU KEGIATAN MELOMBONG BIJIH TIMAH DI KAWASAN GOPENG YANG TELAH DILAWATI BELIAU SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR.

KATANYA, PERKEMBANGAN DI SEKTOR PERINDUSTRIAN JUGA TUMBUH PESAT DENGAN LEBIH BANYAK KILANG-KILANG DIDIRIKAN DI NEGERI INI DAN BELIAU YAKIN SEKTOR ITU DAPAT MENYEDIAKAN 100 PERATUS PELUANG PEKERJAAN BAGI MENAMPUNG PENGANGGURAN AKIBAT PENUTUPAN LOMBONG BIJIH.

SEMENTARA ITU, MALAM TADI PERDANA MENTERI DAN ISTERI MENGHADIRI JAMUAN MAKAN MALAM PERGERAKAN WANITA UMNO NEGERI PERAK DI MANA BELIAU DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENGUTIP SEJUMLAH \$45,000 UNTUK TABUNG PERGERAKAN ITU DENGAN MENYANYIKAN DUA BUAH LAGU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENDENDANGKAN LAGU YANG DIPOPULARKAN OLEH ALLAHYARHAM P. RAMLEE BERJUDUL +GETARAN JIWA+ DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH PULA MENYANYIKAN LAGU +ANAK PERANTAU.+

PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN PENGHARGAAN UMNO KEPADA SUMBANGAN KAUM WANITA YANG MEMANG MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM POLITIK ORANG MELAYU.

KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATUK SERI RAFIDAH AZIZ SECARA BERSELOROH MEMINTA PERDANA MENTERI MEMBERI LEBIH BANYAK KERUSI KEPADA KAUM WANITA KERANA MEREKA MEWAKILI HAMPIR 50 PERATUS KEANGGOTAAN UMNO. -- BERNAMA.

1437MST 11 03 90